

**TEKS UCAPAN PERASMIAN
KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF
KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA TAHUN 2014**

OLEH:

**YBHG. DATO' ZOHARI BIN HAJI AKOB
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA**

**PADA 2 OKTOBER 2014 (KHAMIS),
DI
DEWAN TAN SRI MAHFOZ KHALID,
BLOK C, KOMPLEKS KERJA RAYA.**

Terima kasih saudara Pengacara Majlis.

YBrs. Tuan Sarani bin Dollah
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

YBhg. Dato' Zainudin bin Zakaria
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan)

YBhg. Dato' Ir. Annies bin Md. Ariff
Ketua Pengarah
Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR)

YBhg. Dato' Ir. Hj. Ismail bin Md. Salleh
Ketua Pengarah
Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)

Panel Penilai,

YBhg Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan,

Salam Sejahtera dan Salam Satu Malaysia.

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu marilah kita panjatkan rasa syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan izinNya jua maka kita dapat bersama-sama memakmurkan Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Perkhidmatan Awam peringkat Kementerian Kerja Raya (KKR) Tahun 2014 pada pagi ini.
2. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih saya dedikasikan kepada pihak Jawatankuasa penganjur kerana telah berjaya melaksanakan program ini serta menjemput saya untuk menyampaikan ucapan dan seterusnya merasmikan Konvensyen KIK peringkat KKR tahun ini. Pada kesempatan ini, saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang hadir di atas komitmen dan sokongan padu YBhg Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan dalam menjayakan konvensyen ini.

PENGENALAN

Hadirin Yang dihormati sekalian,

3. Konvensyen KIK Perkhidmatan Awam Peringkat Kementerian Kerja Raya telah menjangkau tahun ke-5 penganjurannya sejak tahun 2010. Melalui pengenalan Panduan Mengenai Kumpulan Inovatif dan Kreatif pada 1 November 2009, KIK bagi perkhidmatan awam merupakan antara salah satu instrumen yang dikenalpasti dapat membantu meningkatkan kebolehcapaian KPI setiap agensi Kerajaan melalui penyelesaian kepada masalah-masalah yang timbul dalam melaksanakan proses kerja harian. Apabila masalah dapat diselesaikan, ini bermakna ada penemuan cara dan kaedah baru dalam menyelesaikan masalah-masalah tersebut yang seterusnya dapat mencetuskan nilai-nilai kreativiti dan inovasi yang turut menjadi pemangkin kepada pembangunan sosioekonomi negara.

4. Justeru, dengan penglibatan pelbagai peringkat jawatan di dalam kumpulan KIK, setiap peserta diberi peluang yang sama rata dalam menyumbangkan idea dan pendapat, seterusnya melaksanakan langkah-langkah penyelesaian masalah atau penambahbaikan terhadap proses kerja sedia ada. Secara tidak langsung, dapat dilihat bahawa KIK bukan sahaja memupuk budaya inovasi dan kreatif malah turut melatih anggota organisasi untuk tampil berani dalam merangka dan menyusun gerak kerja serta melaksanakan tindakan perubahan ke arah memantapkan keupayaan sumber manusia yang ada demi kebaikan organisasi.

KECEMERLANGAN PERKHIDMATAN KEPADA PELANGGAN

Hadirin Yang dihormati sekalian,

5. Umum mengetahui, bahawa budaya kecemerlangan merupakan salah satu nilai yang digariskan dalam merealisasikan gagasan 1Malaysia. Jika dilihat dari perspektif pengurusan berkualiti hari ini, ia merujuk kepada usaha-usaha penambahbaikan berterusan melalui penerapan nilai-nilai kreativiti dan inovasi yang tercipta dalam proses meningkatkan mutu produk dan perkhidmatan.

6. Malah, Pelan Transformasi Kerajaan (*Government Transformation Plan*) yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri menuntut para pegawai dan kakitangan di setiap peringkat memiliki kapasiti pengetahuan, daya intelek serta nilai kreativiti dan inovasi yang tinggi dalam melaksanakan tugas bagi mencapai kecemerlangan perkhidmatan kepada pelanggan. Satu elemen penting yang dapat menjamin kelangsungan kreativiti dan inovasi ialah kesediaan kementerian, jabatan dan agensi Kerajaan untuk berkongsi sumber, tidak lagi bekerja secara silo serta mengakui potensi penyampaian perkhidmatan yang lebih berkesan dan menjimatkan melalui kolaborasi antara dan di kalangan jabatan dan agensi awam di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan atau turut dikenali sebagai NBOS.

7. Salah satu contoh kolaborasi kepada agensi sektor awam lain untuk terus meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan kerajaan ke tahap yang lebih membanggakan adalah kerjasama strategik Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia ATM dalam memperkasakan keselamatan dan pertahanan negara.

Hadirin sekalian,

8. Penganjuran Konvensyen KIK ini hendaklah diterjemahkan sebagai komitmen berterusan Kerajaan untuk menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan kepada orang ramai. Yang secara tidak langsung adalah suatu inisiatif penting dan tidak harus dilihat sebagai satu acara tahunan semata-mata yang hanya disertai oleh peserta-peserta konvensyen. Dalam konteks yang lebih luas, penganjuran konvensyen KIK ini merupakan usaha Kerajaan membudayakan elemen kreativiti dan inovasi di dalam diri setiap penjawat awam di setiap lapisan dan peringkat organisasi. Tidak kira sama ada Ketua Jabatan, Setiausaha Bahagian, Pembantu Tadbir, hatta Pembantu Operasi sekalipun, setiap anggota perkhidmatan awam berperanan untuk meningkatkan tahap perkhidmatan masing-masing dengan menyelitkan elemen kreativiti dan inovasi.

9. Saya sedar bahawa cabaran bagi membudayakan kreativiti dan inovasi dalam Kementerian dan Agensi adalah satu tanggungjawab berat yang menuntut komitmen tinggi dari semua pihak. Dalam memastikan pembudayaan kreatif dan inovasi ini, semua pihak perlu mengubah cara berfikir dan bertindak yang biasa kepada luar biasa "***think out of the box***" untuk menghasilkan rekacipta dan produk baru. Kaedah inilah yang telah dipraktikkan oleh perekacipta dan penginovasi sebelum ini. Contohnya Oliver dan Wilbur Wright yang mencipta kapal terbang pada tahun 1904. Walau bagaimanapun, mereka tetap tabah menghadapi cabaran dan akhirnya terbukti ciptaan mereka telah membawa manfaat kepada manusia hingga ke hari ini.

10. Justeru harapan saya agar warga Kementerian dan Agensi dapat menyahut cabaran “**think out of the box**” ini dalam mewujudkan kumpulan KIK yang mampu memberi hasil kreativiti dan inovasi yang bukan sahaja menyelesaikan sesuatu masalah, malahan menjadi sesuatu perkhidmatan atau produk yang baru yang mampu meningkatkan perkhidmatan Kementerian dan Agensi.

11. Malah, dengan peningkatan daripada lapan kumpulan KIK yang telah menyertai Konvensyen KIK tahun 2013 kepada 9 kumpulan yang menyertai Konvensyen pada hari ini, saya percaya, pembudayaan kreativiti dan inovasi ini sudah berkembang meluas di kalangan warga Kementerian dan Agensi. Besarlah harapan saya agar kerjasama dan perhatian anda bagi menyusun atur langkah seterusnya dalam menyokong seruan dan dasar Kerajaan menuju ke arah matlamat membudayakan inovasi dan kreativiti ini dapat diteruskan. Saya juga amat berkeyakinan bahawa kita semua dianugerahkan Allah SWT dengan bakat kreativiti dan inovasi yang boleh dikembangkan. Oleh itu, marilah kita memanfaatkan kemampuan dan bakat yang ada dalam diri masing-masing untuk memajukan agama, bangsa dan negara.

PERTANDINGAN KIK PERINGKAT KEBANGSAAN

Hadirin yang dihormati sekalian,

12. Di kesempatan ini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kumpulan Q’ Bestari dengan Projek bertajuk ‘**Penyediaan Perubahan Harga Bahan-Bahan Binaan Kerja-Kerja Sivil Dalam Kontrak Kerja Yang Sistemik**’ daripada Jabatan Kerja Raya Negeri

Terengganu yang telah mara ke peringkat akhir Konvensyen KIK Perkhidmatan Awam Peringkat Kebangsaan yang telah diadakan di Sarawak pada tahun lepas.

13. Saya juga ingin mengucapkan selamat maju jaya kepada pasukan KIK yang akan mewakili Kementerian pada tahun ini iaitu:

- i) Kumpulan East Dragon dari Lembaga Lebuhraya Malaysia, Pejabat Wilayah Timur dengan tajuk projek 'Papan Tanda Sementara Yang Dipasang Semasa Penutupan Lorong Di Lebuhraya Kerap Tumbang'; dan
- ii) Kumpulan Q' Bestari dari Jabatan Kerja Raya Negeri Terengganu dengan tajuk projek 'Masalah Pemantauan Akaun Projek Pembinaan Yang Kurang Efisien'.

14. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, syabas dan tahniah sekali lagi kepada kumpulan-kumpulan yang menyertai konvensyen KIK Kementerian Kerja Raya pada tahun ini.

15. Akhir kata, sekali lagi setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak yang terlibat khususnya Bahagian Pengurusan Sumber Manusia selaku penganjur Konvensyen kerana telah menganjurkan Konvensyen KIK KKR pada hari ini dengan jayanya.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirahim dengan sukacitanya merasmikan Konvensyen KIK Perkhidmatan Awam Peringkat Kementerian Kerja Raya Tahun 2014.

Sekian, terima kasih.